



On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Reports and Audited Accounts of M K Land Holdings Berhad for the year ended 31 January 2000.

M K Land Holdings Berhad (M K Land) which was incorporated in Malaysia on 2 August 1978 under the original name of Perfect Food Industries Sdn Berhad was then converted into a public limited company on 8 June 1992. It was subsequently listed on the Second Board of the KLSE on 15 September 1993. It assumed its present name on 14 August 1999 to reflect the change in the company's core business of property development and ownership following the reverse take-over exercise of the Company.

On 20 August 1999, M K Land completed the acquisitions of 91% equity interest of Segi Objektif (M) Sdn Bhd (SOSB) and the entire equity interest in Medan Prestasi Sdn Bhd (MPSB) and the Company was subsequently upgraded to the Main Board of the KLSE on 27 August 1999. The acquisition of the remaining 9% equity interest of SOSB was completed on 8 September 1999. Prior to the reverse take-over exercise, the Company was principally involved in the manufacturing of biscuits, wholesale and distribution of foodstuff and property dealings and development. Subsequent to the reverse take-over exercise, the core business of the Company has changed from manufacturing to property development. At present, M K Land Holdings Berhad is an investment holding company with its subsidiaries principally involved in property development, operator of a hotel and resort and provision of property maintenance service.

RESULTS

I am pleased to report that for the financial year ended 31 January 2000, the Group achieved a pre-tax profit of

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya ingin membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun M K Land Holdings Berhad yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Januari 2000.

M K Land Holdings Berhad (M K Land) yang ditubuhkan di Malaysia pada 2 Ogos 1978 di bawah nama asalnya Perfect Food Industries Sdn Bhd selanjutnya telah ditukar menjadi syarikat awam berhad pada 8 Jun 1992. Ia kemudiannya disenaraikan di Papan Kedua BSKL pada 15 September 1993. Selanjutnya, namanya telah ditukar pada 14 Ogos 1999 untuk mencerminkan pertukaran perniagaan teras syarikat kepada pembangunan dan pemilikan hartanah berikutan pengambilan alih Syarikat tersebut.

Pada 20 Ogos 1999, M K Land telah menyempurnakan pembelian 91% kepentingan ekuiti Segi Objektif (M) Sdn Bhd (SOSB) dan sepenuh kepentingan ekuiti Medan Prestasi Sdn Bhd (MPSB) dan Syarikat seterusnya dinaikkan taraf ke Papan Utama BSKL pada 27 Ogos 1999. Pembelian baki 9% kepentingan ekuiti SOSB selesai pada 8 September 1999. Sebelum pengambilan alih tersebut, Syarikat pada amnya terlibat dalam pengeluaran biskut, pemborongan dan pengedaran bahan makanan serta urus niaga dan pembangunan hartanah. Selepas pengambilan alih, perniagaan teras Syarikat bertukar daripada pengeluaran kepada pembangunan hartanah. Pada masa ini, M K Land Holdings Berhad merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan dengan anak-anak syarikat yang pada asasnya terlibat dalam pembangunan hartanah, pengendalian hotel dan pusat peranginan dan pembekalan perkhidmatan penyenggaraan hartanah.

PRESTASI/KEPUTUSAN

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2000, Kumpulan ini telah mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM36.9 juta. Keuntungan ini dihasilkan daripada perolehan berjumlah RM276.9 juta. Saya percaya dengan keadaan ekonomi negara yang beransur pulih, Kumpulan ini akan mencatat keputusan yang lebih baik pada tahun yang akan datang. Kedudukan Kumpulan ini yang kini begitu kukuh dalam sektor pasaran rumah yang mampu dimiliki dengan menempa kejayaan jualannya beserta peningkatan permintaan rumah berharga di bawah RM150,000 akan dapat membantu memperoleh keuntungan yang lebih di masa-masa akan datang.

OPERASI KUMPULAN

Sepanjang tahun dalam tinjauan, sebahagian besar perolehan Kumpulan ini dicapai daripada pembangunan

RM36.9 million. This profit was achieved on a turnover of RM276.9 million. With the gradual improvement in the country's economy, I believe the Group will be able to perform better for the coming year. The Group's strong position in the affordable housing market locked in sales and the increasing demand of residential properties below RM150,000, will help the future profitability.

GROUP'S OPERATION

During the year under review, a large part of the turnover of the Group was from the property development / affordable housing. Its 400 acre affordable housing project is strategically located next to Bandar Sri Damansara, near the Sungai Buloh Toll. Appropriately named Damansara Damai, in the state of Selangor Darul Ehsan, reflecting the serene wooded surroundings, this project is developed by Medan Prestasi Sdn Bhd (MPSB), a subsidiary of M K Land.

Damansara Damai has a total of 12,802 units of housing planned to be developed over a period of seven years. Of the 10,450 affordable units launched, all units have been sold, which recorded a sales value of over RM540 million since the first launch in June 1998. Over 40 acres of commercial development have been approved, including 438 units of shophouses and offices, which are to be launched in the near future.



Taman Bunga Raya in the state of Selangor Darul Ehsan, another affordable housing project undertaken by MPSB is conveniently located along the North-South Expressway, at the Bukit Beruntung Interchange, approximately 30 minutes away from the Jalan Duta and Damansara toll.

There are a total of 19,400 units in this 518 acre project, of which 85% of the 7,468 units launched since the end of 1996 have been sold, capturing a total sales value of about RM240 million.

hartanah/perumahan mampu dimiliki. Projek perumahan mampu dimiliki seluas 400 ekar yang dimaksudkan ini terletak di kawasan strategik di sebelah Bandar Sri Damansara, berhampiran plaza Tol Sungai Buloh. Projek perumahan ini memang sesuai dinamakan Damansara Damai (Negeri Selangor Darul Ehsan) kerana persekitarannya yang hijau dan tenang. Ia dibangunkan oleh syarikat Medan Prestasi Sdn Bhd (MPSB), sebuah anak syarikat M K Land.


Damansara Damai mengandungi sejumlah 12,802 unit rumah yang dirancang untuk dibangunkan dalam tempoh tujuh tahun. Kesemua 10,450 unit rumah kediaman yang mula dilancarkan pada bulan Jun 1998 telah habis dijual, dengan mencatatkan nilai jualan melebihi RM540 juta. Lebih 40 ekar projek pembangunan komersil telah diluluskan, termasuk 438 unit rumah kedai dan pejabat yang akan dilancarkan di masa yang terdekat.

Taman Bunga Raya (Negeri Selangor Darul Ehsan), sebuah lagi projek pembangunan perumahan mampu dimiliki yang dimajukan oleh MPSB, terletak di lokasi yang mudah ditujui iaitu di Persimpangan Bukit Beruntung, Lebuhraya Utara-Selatan, lebih kurang 30 minit perjalanan dari plaza Tol Jalan Duta dan Tol Damansara.

Projek pembangunan seluas 518 ekar ini mengandungi 19,400 unit rumah kediaman. Sebanyak 85% daripada 7,468 unit yang dilancarkan sejak akhir tahun 1996 telah dijual, dengan membawa nilai jualan lebih kurang RM240 juta.

Selain projek perumahan mampu dimiliki, Kumpulan ini kini juga terlibat dalam pembangunan pusat perangan dan persantiaian di Bukit Merah Laketown, Bukit Merah (Negeri Perak Darul Ridzuan). Projek pembangunan bersepadu di kawasan seluas 1,650 ekar ini terletak kira-kira 35 minit perjalanan dari Jambatan Pulau Pinang. Dimajukan oleh Segi Objektif (M) Sdn Bhd, projek Bukit Merah Laketown Resort terletak di Persimpangan Bukit Merah, di sebelah Lebuhraya Utara-Selatan. Projek ini termasuk pembangunan unit-unit kediaman dan komersil, serta kemudahan rekreasi-riadah dan perhotelan. Daya tarikan utama projek ini ialah tasik air jernih seluas 7,000 ekar. Bukit Merah Laketown Resort merangkumi





Besides the affordable housing projects, the Group is also currently involved in the resort and leisure development at Bukit Merah Laketown, Bukit Merah in the state of Perak Darul Ridzuan. This is a major integrated development project measuring 1,650 acres, 35 minutes from the Penang bridge. Developed by Segi Objektif (M) Sdn Bhd, the Bukit Merah Laketown Resort project is located right next to the North-South Expressway, at the Bukit Merah Interchange. This development includes residential, commercial, leisure-recreational and hospitality products.

The major attraction of the project is the 7,000 acre freshwater lake. The Resort has an operating water theme park, a 174-room hotel, a Marina Village with shopping and dining facilities, a large conference hall with a capacity for 800 persons and lakeside recreational facilities. The Resort also boasts the only chair-lift ride in the country. The Eco Park, a three acre nature sanctuary is located by the lakeside adjacent to the Water Park. It features an exciting collection of birds, butterflies and reptiles, an Orang Utan Island,- a sanctuary for the Orang Utan is among the latest attractions. Since its opening in early 1997, more than 1,000,000 people have visited the Resort and the number is expected to increase with the addition of these new facilities. Furthermore, the Eco Park and Orang Utan Island, which is fully maintained by Segi Objektif (M) Sdn Bhd, signals an affirmation of M K Land's belief and commitment to the growing importance of eco-tourism and nature.

The residential products of Bukit Merah Laketown which are offered for sale/constructed include bungalows, semi-detached houses and waterfront villas. To date, 648 representing about 82% of the 790 units launched have been sold with a total sales value of more than RM 140 million.

Products expected to be launched in the near future include Palm View Apartments and an innovative new product, Kampung Villas built on stilts directly over the lake.

sebuah taman tema air, hotel yang mempunyai 174 buah bilik, 'Marina Village' dengan kemudahan-kemudahan membeli-belah dan menjamu selera, serta sebuah bilik persidangan yang besar yang boleh memuatkan 800 orang dan kemudahan rekreasi di tepi tasik. Resort ini menyediakan kemudahan kerusi kabel yang terlung di negara ini. Taman Ekologi, sebuah taman perlindungan semula jadi seluas tiga ekar di tepi tasik, terletak di sebelah Taman Tema ini. Antara lain, ia menempatkan pelbagai spesies burung, rama-rama dan reptilia, Pulau Orang Utan dimana Orang Utan hidup secara bebas menjadi daya tarikan terbarunya. Sejak dibuka pada awal tahun 1997, lebih 1,000,000 orang telah mengunjungi Resort ini dan penambahan kemudahan-kemudahan baru tersebut dijangka dapat menarik lebih ramai pelawat pada masa akan datang. Taman Ekologi dan Pulau Orang Utan yang disenggarakan sepenuhnya oleh Segi Objektif (M) Sdn Bhd mencerminkan kepercayaan dan komitmen M K Land terhadap peningkatan kepentingan pelancungan-eko dan alam semulajadi.

Unit-unit kediaman di Bukit Merah Laketown termasuk rumah banglo, rumah berkembar dan vila di tepi tasik ada dijual/dibina di projek ini. Sehingga kini, 648 unit atau 82% daripada 790 unit yang dilancarkan telah dijual dengan mencatat nilai jualan sejumlah melebihi RM140 juta.

Unit-unit kediaman yang dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi termasuk 'Palm View Apartments' dan 'Kampung Villas', kediaman inovatif yang dibina di atas tiang kayu di atas tasik.

PERKILANGAN

Pada tahun dalam tinjauan, operasi perkilangan biskut 'Julie' kembali mencatat keuntungan sebelum cukai setelah mengalami kerugian pada tahun sebelumnya. Pemulihan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan perolehan dan pengurangan kos pembiayaan. Jualan diramalkan akan terus meningkat pada tahun-tahun akan



MANUFACTURING

The year under review saw the turnaround of the bottom-line operation performance from loss to profit before tax for Julie's biscuit manufacturing. This turnaround was mainly attributed to the increase in turnover as well as the reduction in financing costs. It is anticipated that sales will continue to grow in the coming years as the Company is confident that the new biscuits launched recently will stimulate sales. So far, the new products have received satisfactory responses from the market.

As a responsible corporate citizen, the Group through Segi Objektif (M) Sdn Bhd, the developer of Bukit Merah Laketown has adopted a neighbouring village, namely Kampung Selamat in the district of Kerian, Perak Darul Ridzuan for its community development project. Kampung Selamat, which is located in the least developed region of Perak which in the past has been left behind in the development of the country is expected to benefit from this adoption programme.

PROSPECT

The prospect of economic growth for year 2000 are increasingly promising. The GDP is expected to expand at 5.8%. Given this scenario, the property market has shown signs of improvement and is expected to be buoyant as shown in the increased demand for residential and commercial properties.

The Group's strong position in the affordable housing market will continue to allow it to take advantage of the current market demand for residential properties below RM150,000.

Hence, the Group will continue to focus on its core strength as an affordable housing developer and consolidate its position further.

While affordable housing focus continues to feature in the Group's activities due to its steady demand, the Group will increase its level of activities in other related sectors, at the appropriate time. In tandem with the development of affordable housing, the Group's development in Bukit Merah Laketown, Perak on the other hand caters for another segment of the property market which is associated more with higher income.

The Group is also involved in almost every sector of the property market to enable it to adapt more effectively to the prevailing market conditions. The recovery of the economy and property market will also enable the Group to secure choice parcels of land to enlarge its existing

datang kerana Syarikat yakin biskut-biskut baru yang dilancarkan baru-baru ini akan menggalakkan jualan. Sehingga kini, biskut-biskut baru tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pasaran.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Kumpulan ini telah mengambil sebuah kampung yang berdekatan, iaitu Kampung Selamat di Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan, untuk projek pembangunan masyarakatnya. Kampung Selamat yang terletak di kawasan paling ketinggalan di Perak, yang dahulunya telah jauh ketinggalan dari segi pembangunan berbanding dengan kawasan-kawasan lain di negara ini, kini mendapat manfaat daripada projek kampung angkat ini.

PROSPEK

Prospek pertumbuhan ekonomi pada tahun 2000 adalah semakin cerah. KDNK dijangka akan mencapai 5.8%. Pasaran hartanah telah menunjukkan tanda-tanda yang memberangsangkan dan diramalkan terus kukuh memandangkan permintaan bagi hartanah kediaman dan komersil semakin meningkat.

Kedudukan kukuh Kumpulan ini dalam pasaran perumahan mampu dimilik akan terus membolehkannya merebut peluang daripada permintaan semasa terhadap pasaran hartanah kediaman di bawah harga RM150,000.

Justeru itu, Kumpulan ini akan terus memberi penekanan terhadap kekuatan terasnya sebagai pemaju perumahan yang mampu dimilik dan memperkukuhkan lagi kedudukannya.

Sungguhpun pembinaan perumahan mampu dimilik akan terus memainkan peranan penting dalam kegiatan Kumpulan memandangkan permintaannya yang terus meningkat, Kumpulan ini akan menggiatkan lagi aktivitiinya dalam sektor lain yang berkaitan pada masa yang sesuai. Selari dengan pembangunan kediaman mampu dimilik, projek pembangunan di Bukit Merah Laketown, Perak, sebaliknya memenuhi satu lagi keperluan segmen pasaran hartanah, iaitu mereka yang berpendapatan lebih tinggi.

Kumpulan ini juga terlibat dalam hampir semua sektor pasaran hartanah untuk membolehkannya menyesuaikan diri secara lebih berkesan dengan kecenderungan pasaran semasa. Pemulihan ekonomi dan pasaran hartanah akan membolehkan Kumpulan ini memperoleh kawasan-kawasan tanah yang sesuai bagi menambah simpanan bank tanahnya yang sedia ada. Pembangunan hartanah komersil pula di masa yang akan datang akan juga menghasilkan punca pendapatan tetap bagi Kumpulan ini kerana lokasi tanah komersilnya akan dapat dimajukan menjadi hartanah yang bernilai dengan populasi tadahan yang besar.

land bank where appropriate. Development of commercial properties in the near future will also contribute as a source of recurrent income to the Group as the locations of the present commercial land can be developed into prime properties with sizeable catchment population.

In order to be more competitive and to cater for the discerning customers, the Group would focus on quality and innovative products as well as providing excellent customer service. This is evident in the creation of a customer service department.

With a strong management team and proper planning, the Group is poised to face the challenges ahead and confident in improving profitability in the future.

DIRECTORATE

Tan Sri Datuk Hj. Mustapha Kamal bin Hj. Abu Bakar, Mr. Kasi A/L K.L. Palaniappan, Puan Sri Datin Hj. Wan Nong Bte. Hj. Wan Ibrahim, Dato' Mohamad Nor bin Mohamad and Mr. Hong Hee Leong who were appointed as Directors of the company retire under Article 87 of the Company's Article of Association, at the forthcoming Annual General Meeting and being eligible, offer themselves for re-election.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I would like to take this opportunity to express my sincere appreciation to all stakeholders, valued customers, government agencies contractors, consultants, bankers and business associates who have given their full support to the Group. To my fellow Directors, I wish to thank them for their support throughout the year.

I also wish to record my sincere thanks and appreciation to all the Management and staff of the Group for their loyalty, dedication and hard work in making this a successful year.

TAN SRI DATUK HJ. MUSTAPHA KAMAL BIN HJ. ABU BAKAR
(Executive Chairman)

Untuk meningkatkan daya saingan dan menunaikan kehendak pelanggan yang arif menilai, Kumpulan ini akan memberi tumpuan kepada produk yang berkualiti dan inovatif, di samping memberikan kemudahan perkhidmatan pelanggan yang lebih cekap.

Dengan kumpulan pengurusan yang cekap dan perancangan yang rapi, Kumpulan ini bersedia menghadapi cabaran masa depan dan yakin dapat mencapai sasaran keuntungan yang lebih baik di masa akan datang.

PENGARAH

Tan Sri Datuk Hj. Mustapha Kamal bin Hj. Abu Bakar, Encik Kasi A/L K.L. Palaniappan, Puan Sri Datin Hj. Wan Nong Bte Hj. Wan Ibrahim, Dato' Mohamad Nor bin Mohamad dan Encik Hong Hee Leong bersara sebagai Pengarah Syarikat di bawah Artikel 87 Tataurusutan Penubuhan Syarikat di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan oleh kerana layak, mereka menawarkan diri untuk dilantik semula.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham, pelanggan, agensi-agensi kerajaan, kontraktor, juru perunding, bank dan rakan-rakan niaga yang telah memberikan sokongan kepada Kumpulan ini. Kepada rakan-rakan Pengarah yang lain, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana sokongan padu mereka sepanjang tahun.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan yang tulus ikhlas dan ucapan terima kasih kepada pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan ini kerana kesetiaan, dedikasi, dan kegigihan mereka menjadikan tahun ini satu tahun yang berjaya.

TAN SRI DATUK HJ. MUSTAPHA KAMAL BIN HJ. ABU BAKAR
(Pengerusi Eksekutif)